

rrryi*
I I T I V
/ □ iib V MB

r ARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
P ARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 23 NOVEMBER 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 41)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

NO. AUM : 27

NO. AUP : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]
TARIKH 23 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3101

SO ALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Kerajaan melaporkan akan mengambil 3,000 anggota sukarelawan polis simpanan bagi mengurang jenayah di tempat-tempat tertentu di seluruh negara:-

- (a) di jabatan manakah mereka ini akan ditempatkan; dan
- (b) berapakah kos yang terlibat jika kesemua mereka diambil berkhidmat dengan PDRM nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga November 2010, jawatan Sukarelawan Simpanan Polis atau lebih dikenali sebagai *Police Volunteer Reserve (PVR)* yang telah diwujudkan di seluruh negara adalah sejumlah 5,150 jawatan dan jumlah yang telah diisi adalah sebanyak 3291 jawatan. Pengambilan bagi jawatan ini adalah dibuat secara pengambilan terus dari kalangan orang awam.

Bagi jawatan yang masih kosong di negeri-negeri seluruh negara, pihak PDRM bercadang untuk mengisi kekosongan seramai 1,493 jawatan konstabel *PVR* dan iklan kekosongan jawatan bagi negeri-negeri yang berkenaan akan dikeluarkan oleh Kontinjen negeri-negeri yang berkaitan melalui akhbar-akhbar tempatan.

Selain daripada pengambilan secara terus, PDRM juga mengambil anggota *PVR* dari kalangan anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang melaksanakan tugas di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah indeks dan juga jenayah jalanan di kawasan-kawasan “hotspot” di empat buah negeri yang telah dikenalpasti iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Buat masa kini, pengambilan dari kalangan anggota JPAM dan RELA untuk bertugas sebagai *PVR* di kawasan-kawasan “hotspot” sepertimana yang telah dinyatakan awal tadi yang mana bermula pada

1 Ogos 2009, adalah seramai 4,955 orang iaitu 3,663 orang di kalangan anggota RELA dan bakinya 1,292 orang dari JPAM.

b) Sehubungan dengan kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi pengambilan dan penugasan anggota *PVR* yang menjalankan tugas di bawah program NKRA ini adalah sebanyak seperti berikut

- i) Kos pakaian dan aksesori lain yang dibekalkan kepada seorang *PVR*, adalah RM1,310.00. Ia merangkumi uniform lengkap *PVR*, baju hujan, baton dan vest pantulan cahaya.
- ii) Elaun penugasan yang dibayar pula, bagi anggota RELA, Ketua Platun yang berpangkat Leftenan Muda hingga Kapten adalah RM5.80 sejam dan anggota konstabel *PVR* RELA adalah RM4.00 sejam. Penugasan pula tidak melebihi 8 jam sehari.
- iii) Bagi anggota konstabel *PVR* JPAM pula, elaun penugasan yang dibayar adalah RM4.00 sejam tertakluk kepada tempoh masa penugasan tidak melebihi 12 jam sehari.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)
TARIKH	23.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan status terkini mengenai cadangan Kerajaan untuk membina pra-sekolah di kawasan luar bandar selepas pelancaran rasmi pra-sekolah di Kampung Sapak Pantu, Sri Aman pada pertengahan tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Selari dengan keperluan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mula melaksanakan peluasan program pendidikan prasekolah di kawasan luar bandar yang meliputi kawasan rumah panjang di Sarawak, kampung-kampung dan pusat komuniti di Sabah serta kawasan pedalaman di semua negeri. Peluasan program ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan semua agensi pelaksana Kerajaan (KPM, KEMAS, JPNIN) dan swasta dapat memainkan peranan masing-masing agar kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun mendapat peluang pendidikan prasekolah.

SOALANNO: 12

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
JAWAB USAN
DEWAN RAKYAT JAWAB USAN
PERTANYAAN

DARIPADA TUAN DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH 23 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional untuk membenarkan Pos Malaysia menaikkan kadar setem untuk surat biasa dari RM0.30 ke RM0.60.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan membenarkan Pos Malaysia menaikkan kadar setem kerana gaji posmen dan kerani pos yang rendah dan berada di bawah garis kemiskinan. Sebelum 1 Julai 2010, gaji permulaan hakiki seorang posmen adalah sebanyak RM610 sebulan iaitu 14% lebih rendah daripada gaji kakitangan sektor awam yang setara. Manakala gaji kerani pos pula adalah RM720 iaitu RM100 atau 12% lebih rendah daripada gaji kerani sektor awam pada tahap yang setara.

SOALAN NO: 12

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian ini mendapati bahawa kenaikan harga setem ini tidak memberikan kesan kepada rakyat dimana seramai 3025 responden (68.94%) bersetuju bahawa tarif pos baru ini tidak ini membeban dan menjejaskan perbelanjaan seharian, manakala 1363 responden (31.06%) menyatakan sebaliknya.

Penstrukturan semula gaji posmen dan kerani pos hanya dapat dilaksanakan sekiranya Pos Malaysia mendapat kenaikan tarif pos sebanyak RM0.30 bagi tarif mel *standard* di bawah 20g kepada RM0.60. Tarif baru bagi mel *standard* ini adalah lebih kompetitif dan seimbang dengan kos pengendalian item mel tersebut. Sekiranya tarif yang lebih rendah diluluskan, maka jurang tangga gaji bagi kakitangan pos dan Kerajaan tidak dapat dihapuskan sepenuhnya.

Dengan cadangan ini, setiap anggota posmen akan mendapat kenaikan purata gaji serta elaun sekitar RM250 sebulan manakala kerani pos pula akan mendapat kenaikan purata sebanyak RM350 sebulan setiap individu. Justeru itu, adalah wajar jika penstrukturan gaji posmen dan kerani pos dilaksanakan bersama semakan semula tarif perkhidmatan pos.

2. Berdasarkan maklum balas yang diterima menerusi sesi konsultasi pelbagai pihak yang dijalankan pada pertengahan tahun 2010, Bank Negara Malaysia sedang menimbang suatu mekanisma yang sesuai termasuk kadar harga bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada perlindungan insurans bermotor pihak ketiga.

3. Dalam merangka skim perlindungan tersebut, pihak Kerajaan sentiasa memastikan pandangan semua pihak terbabit diberi pertimbangan sewajarnya. Dalam masa yang sama, Kerajaan harus juga memastikan industri insurans sentiasa stabil serta terus mampu menyediakan perlindungan insurans yang diperlukan kepada orang ramai. Di samping itu, usaha sedang dilakukan untuk mengenalpasti kelemahan sistem yang ada dan seterusnya berusaha memperbaikinya bagi meningkatkan kecekapan proses pembayaran tuntutan insurans sekaligus menangani masalah ketirisan yang berlaku.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu sesi konsultasi susulan dengan beberapa pihak termasuklah persatuan pengguna, persatuan pengangkutan, Majlis Peguam Malaysia, dan industri insurans dan takaful akan diadakan sebelum suatu cadangan lengkap dapat dikemukakan untuk dimuktamadkan oleh Kerajaan pada penghujung tahun 2010.

No. Soalan:14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : **AT MALAYSIA JAWAB**

DARI PAD A : LISAN

TARIKH : **DATO* KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)**

SOALAN : **23 NOVEMBER 2010**

D Data' **Kamarudin bin Jaffar (Tumpat)** minta

E **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah

W Kerajaan mengenakan sepenuhnya sekatan

A hubungan dengan Iran sebagaimana yang

N diputuskan oleh PBB.

R

A

K

Y

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagai sebuah Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertanggungjawab, Malaysia melaksanakan dengan sepenuhnya segala sekatan yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan PBB, bukan sahaja ke atas Iran tetapi juga negara-negara lain yang dikenakan sekatan oleh Majlis Keselamatan. Ini adalah kerana, Resolusi-Resolusi Majlis Keselamatan PBB adalah mengikat dari segi perundangan atau dengan izin, *legally binding* ke atas semua Negara Anggota PBB, termasuk Malaysia, dan dengan itu wajib dilaksanakan dengan sepenuhnya.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Keselamatan PBB tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap hubungan di antara Negara Anggota PBB dengan Iran. Sebaliknya, sekatan hanya dikenakan ke atas beberapa sektor-sektor tertentu dan ianya dibuat secara terpilih.

Sekian, terima kasih.

Sebagai contoh, peruntukan Belanja Mengurus MARA yang khususnya digunakan untuk tujuan pendidikan dan keusahawanan telah menunjukkan peningkatan seperti berikut:-

Tahun 2008 - RM2,099,363,400.00

Tahun 2009 - RM2,914,824,500.00

Tahun 2010 - RM3,266,946,500.00

Statistik Bahagian Penganjuran Pelajaran (MARA) menunjukkan bahawa bilangan pelajar Bumiputera yang telah Berjaya ditaja di dalam dan luar negara adalah seramai **31,426** pada tahun **2008**, meningkat lebih dua kali ganda kepada **78,002** pelajar pada tahun **2009** dan seramai **53,993** pelajar pada tahun **2010**.

Di samping itu juga, MARA akan terus melaksanakan pelbagai usaha dan program dalam membantu Kerajaan memperkukuh dan meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera termasuklah:-

Pertama Menawarkan kemudahan pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan Bumiputera memulakan perniagaan atau meningkatkan modal perniagaan. Sehingga kini, MARA telah mengeluarkan pembiayaan perniagaan dalam pelbagai sektor perniagaan berjumlah **RM,803,030,424.00** yang telah memberi manfaat kepada seramai **194,081** orang peminjam Bumiputera;

Kedua Menawarkan latihan dan kursus perniagaan dalam pelbagai bidang serta program peningkatan kemahiran usahawan seperti Program Pembangunan Usahawan, Program Usahawan Teknikal (PUTEK), Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP) dan sebagainya. Sehingga kini, MARA telah menganjurkan sebanyak **11,261** kursus dalam pelbagai bidang keusahawanan yang telah memberi manfaat kepada seramai **305,172** peserta;

Ketiga : MARA terus berperanan membantu melahirkan lebih ramai

golongan profesional Bumiputera dengan menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang menerusi institusi pendidikan dan pusat kemahiran MARA seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Kolej MARA (Pusat GIATMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Kolej Profesional MARA (KPM) dan University Kuala Lumpur (UniKL); dan

Keempat : MARA terus menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelajar-pelajar Bumiputera bagi membantu meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Sehingga kini, seramai 383,195 pelajar telah diberi kemudahan pembiayaan dalam pelbagai kursus pengajian.

MARA akan terus berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak dan agensi Kerajaan yang lain untuk terus meningkatkan prestasi serta pencapaian Bumiputera dari semasa ke semasa serta bersama-sama membantu Bumiputera dalam mengharungi cabaran *liberalisasi* dan *globalisasi*.

PERTANYAAN LISAN
DARI PADA Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)
TARIKH 23.11.2010
SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah garis panduan yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan sama ada sebuah sekolah itu dikategorikan sebagai sekolah cemerlang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlang bertanggungjawab memilih Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi, iaitu sekolah teratas dalam band pertama ranking yang dibuat oleh KPM. *Ranking* ini berdasarkan skor komposit yang mengambil kira 70% Gred Purata Sekolah (GPS) dan 30% Penarafan Kendiri Sekolah. Sekolah yang berada dalam band pertama, iaitu sekolah rendah yang mendapat skor komposit 84% ke atas dan sekolah menengah yang mendapat 92% ke atas adalah layak dicalonkan sebagai SBT. KPM akan memilih sekolah yang layak dari band pertama untuk dinilai dan diverifikasi dengan menggunakan SKPM dan Instrumen Annex. Hanya sekolah yang mendapat sekurang-kurang 90% dalam SKPM setelah diverifikasi akan diambil kira dan Jawatankuasa Pemilihan akan menentukan sekolah yang layak untuk diiktiraf sebagai SBT.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD (MUKAH)
TARIKH	23.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [MUKAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk program komputer riba di sekolah luar bandar di Sarawak pada tahun 2009 hingga tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membekalkan komputer riba di sekolah-sekolah melalui program Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) secara berperingkat-peringkat dari tahun 2003 hingga 2008. Melalui program tersebut, sebanyak 200,562 buah komputer riba telah dibekalkan kepada guru-guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2010, keseluruhan jumlah komputer riba yang telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah di negeri Sarawak melalui program PPSMI adalah sebanyak 18,588 buah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**Y.B. TUAN SIM TONG
HIM (KOTA MELAKA)**

TARIKH

23.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang keperluan sekolah harapan yang dikhususkan untuk gadis dan perempuan hamil:

- (a) adakah Kementerian akan mengikut usaha Kerajaan negeri Melaka. Jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya; dan
- (b) untuk tahun 2008 hingga 2010 terdapat berapa orang murid sekolah yang telah didapati hamil (mengandung).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka yang telah mengambil inisiatif menubuhkan Sekolah Harapan bagi membantu murid-murid bermasalah seperti mengandung dan sebagainya. Walau bagaimanapun, buat masa ini KPM berpandangan penubuhan sekolah khusus bagi murid-murid mengandung adalah tidak perlu. Ini adalah kerana terdapat pusat-pusat sedemikian yang diusahakan oleh agensi Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan beberapa NGO lain bagi membantu murid-murid tersebut.

- (b) KPM mengambil berat masalah sosial semua murid dari semua sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah, murid lelaki atau perempuan, di bandar atau pun di luar bandar. Data KPM menunjukkan dari tahun 2006 - 2010 terdapat sebanyak 21 kes murid mengandung luar nikah dan bersalin. Kesemua kes ini dikumpulkan berdasarkan sumber daripada laporan akhbar, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah tersebut, 21 kes yang dilaporkan, 12 kes berlaku di sekolah luar bandar dan 9 di sekolah kawasan bandar.

Rjm 80

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SIRINGAN GUBAT [RANAU]
TARIKH	23 NOVEMBER 2010
NO. SOALAN	19

SOALAN

Y.B. Datuk Siringan Gubat (Ranau) minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana rancangan kerajaan untuk mengiktiraf pendaatang tanpa izin terus tinggal di Sabah dan apakah rasionalnya tentang cadangan tersebut.

JAWAPAN :

Kerajaan Malaysia tidak pernah bercadang untuk mengiktiraf Pendatang Tanpa Izin (PTI) untuk terus tinggal di Sabah. PTI yang berada di Sabah akan terus dikesan, ditahan dan dihantar pulang ke negara asal selepas proses dokumentasi. Oleh yang demikian, tidak timbul soal pengiktirafan PTI untuk tinggal kekal di Negara ini.

NO.SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERDANA

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] 23

TARIKH

NOVEMBER 2010

SOALAN:

TUAN LOKE SIEW FOOK minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah nisbah perbezaan “rural-weightage” yang diberikan kepada kawasan Parlimen luar bandar berbanding bandar dan apakah langkah-langkah SPR untuk memastikan jumlah pengundi yang lebih seimbang di semua kawasan pilihan raya dalam proses persempadanan semula yang akan datang .

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Fasal 2(i) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh negara tanpa menumpukan pada sesuatu bahagian pilihan raya sahaja. Tindakan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan oleh Jadual Ketiga Belas, Bahagian I dan II Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, bagi memudahkan Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan kajian urusan persempadanan ini, berikut adalah asas penentuan pemilih bagi satu bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri.

KATEGORI BAHAGIAN	KRITERIA		
	LUAS KAWASAN	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA
BANDAR	8-49 KMP	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250 KMP	30,000 - 59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR DAN PEDALAMAN	> 250 KMP	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH

* Kecuali bagi W.P Putrajaya dan W.P Labuan

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. 21

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**
PERTANYAAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG
DEWAN RAKYAT LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

LISAN
DATUK TIONG THAI KING
[LANANG]
23 NOVEMBER 2010

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah berjaga-jaga yang diambil oleh negara kita dalam menghadapi ancaman bakteria Superbug NDM-1 yang kebal terhadap antibiotik.

Tuan Yang Di Pertua,

Kuman '*superbug*' mula dikesan pada tahun 2008 dari seorang pesakit yang berasal dari India berstatus warganegara Sweden yang telah menjalani rawatan perubatan di salah satu hospital di New Delhi, India. Rentetan daripada itu lebih banyak kes melibatkan '*super bug*' mula direkodkan di seluruh dunia atau secara lebih spesifik di India, Pakistan, dan United Kingdom.

Berikutan dengan itu Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan langkah berjaga-jaga bagi mengesan kes jangkitan yang melibatkan bakteria ini dengan mengarahkan pihak Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menjalankan ujian bagi mengenal-pasti serta pengesanan bakteria membawa gen NDM-1. Langkah pengawasan (*surveillance*) telah dimulakan dimana semua hospital di seluruh Malaysia telah diarahkan untuk menghantar sampei bakteria yang menunjukkan corak rintangan tinggi terhadap kebanyakan antibiotik yang diuji kepada IMR untuk ujian lanjut.

Sehingga bulan September 2010, hanya terdapat satu kes positif gen NDM-1 yang dikesan. Setelah diselidik dengan lebih mendalam, didapati kes ini adalah melibatkan kes '*colonization*' yang bermakna pesakit tidak mendapat jangkitan daripada bakteria ini, tetapi hanya merupakan pembawa bakteria ini. Tindakan susulan terhadap kes ini telah dijalankan, dan ujian lanjut menunjukkan kes ini tidak lagi dikolonisasi (*colonised*) oleh bakteria tersebut.

Secara umumnya pesakit-pesakit yang disyaki terlibat mempunyai jangkitan bakteria '*superbug*' akan diletakkan di bawah pengawasan unit kawalan infeksi hospital bagi memastikan agar bakteria ini tidak akan disebarkan dari pesakit terlibat kepada sama ada pesakit lain atau kakitangan kesihatan yang bertugas agar masalah ini dapat dikawal pada peringkat awal.

Bagi memastikan penggunaan antibiotik tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, Garispanduan Penggunaan Antibiotik di Hospital dan Klinik Kesihatan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk dijadikan panduan oleh semua Pegawai Perubatan di hospital dan klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan. Penggunaan antibiotik juga diawasi oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Selain itu, penggunaan antibiotik dan rintangan terhadap antibiotik juga diawasi oleh Jawatankuasa Kawalan Infeksi dan Antibiotik Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

SJ.B/(64)


**PEMBER1TAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN
ENDUT (KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **23.11.2010**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah rundingan untuk mengembalikan royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu oleh Petronas akan dimuktamadkan dan nyatakan jumlah yang sepatutnya dibayar dari tahun 2000 hingga September 2010.



A. S.
23/11/10

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan untuk memuktamadkan Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) masih dalam proses rundingan antara Kerajaan Persekutuan, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi tempoh tahun 2000 hingga September 2010, sebanyak RM18.67 bilion telah diterima dan daripada jumlah ini, sebanyak RM8.91 bilion telah dibayar dalam bentuk tunai dan RM7.72 bilion dalam bentuk projek di Negeri

Terengganu. Jumlah selebihnya masih dalam simpanan Kerajaan Persekutuan untuk bayaran tanggungan bagi projek/program yang sedang berjalan. Peruntukan yang digunakan bagi projek-projek di negeri-negeri lain sebanyak RM1.69 bilion akan dikembalikan setelah Perjanjian Penyelesaian dimuktamadkan.

SOALAN NO.:

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta
MENTERIKERJA RAYA menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan serta hasrat untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf atau pembinaan jalan baru bagi Jalan Persekutuan Jalan Bintulu-Miri, Jalan Bintulu-Sibu dan Jalan Bintulu-Bakun memandangkan kos menjalankan kerja-kerja

penyelenggaraan adalah merupakan satu pembaziran kerana pembinaan asal jalan berkenaan tidak memenuhi kriteria **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** yang sepatutnya; dan

- (b) berapakah kos kewangan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan di dalam kerja-kerja penyelenggaraan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Kementerian Kerja Raya sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai keperluan untuk menaik taraf Jalan Utama Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, termasuk Jalan-Jalan Persekutuan yang menghubungkan Bintulu dengan kawasan-kawasan di sekitarnya. Untuk makluman Dewan Yang mulia ini, Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau HNDR Fasa 2 bagi Negeri Sabah dan Sarawak yang diterbitkan pada tahun 2010 telah menggariskan keperluan dan cadangan membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan-jalan sedia ada di Negeri Sarawak, bermula seawal Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Walau bagaimanapun, perancangan HNDR ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun berikutan ia membabitkan kos yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-10 ini Kementerian Kerja Raya sememangnya telah mengenai pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan di Bintulu. Di antara projek tersebut ialah Cadangan Menaik Taraf KM. 18-KM.30, Jalan Persekutuan Bintulu-Sibu, Sarawak dengan anggaran kos RM50 juta. Pada masa kini reka bentuk terperinci projek tersebut baru sahaja disiapkan dan hanya menunggu pengesahan kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Di samping itu, Kerajaan juga akan melaksanakan Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan dari Balingian ke Sibu/Bintulu dengan reka bentuk piawai JKR R5 sepanjang 27.3 kilometer bernilai RM113 juta. Tender pelaksanaan projek akan diiklankan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan

pelaksanaan projek dijangka akan bermula pada tahun 2011 dan siap pada tahun 2013.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa yang sama juga Kementerian Kerja Raya akan meneruskan Program Penyelenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan sedia ada di Bintulu, Sarawak. Program penyelenggaraan ini melibatkan kerja-kerja rutin (seperti penampalan *potholes*, pemotongan rumput, mencuci sistem perparitan dan pemasangan perabot jalan) dan kerja-kerja berkala (*periodic*), termasuk kerja-kerja kecemasan. Bagi tempoh antara tahun 2006 hingga 2010, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM9.44 juta bagi melaksanakan keija-kerja penyelenggaraan rutin dan RM38.72 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala di Jalan-Jalan Persekutuan Utama di Bintulu, iaitu Jalan Bintulu-Miri, Jalan Bintulu- Sibul dan Jalan Bintulu-Bakun.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 10

NO. AUP : /*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH	23 NOVEMBER 2010
RUJUKAN	3099

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aiin [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pegawai-pegawai Polis DiRaja Malaysia bagi kumpulan 'Rank & File' (pangkat Konstabel ke Sub Inspektor) mengikut pecahan kaum yakni Melayu, Peribumi Sabah- Sarawak dan bukan Melayu, serta cadangan pengambilan pegawai kumpulan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-10 bagi mencerminkan kadar kependudukan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah pegawai dan anggota polis berpangkat rendah bagi kumpulan 'rank & file' berpangkat Konstabel ke Inspektor Percubaan adalah seramai 96,031.

Daripada jumlah tersebut seramai 76,646 orang adalah dari kaum Melayu. Sementara itu, bagi kaum cina pula seramai 1.356 orang dan kaum india pula seramai 3.034 orang.

Jumlah bagi lain-lain bangsa pula adalah seramai 1.994 orang dan bagi lain-lain bumiputera di Sabah dan Sarawak pula adalah seramai 13.001 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju secara dasarnya untuk mewujudkan jawatan

tambahan berjumlah 60,000 perjawatan baru bagi pegawai dan anggota polis. Bagi tahun 2011 PDRM telah merancang pengambilan dan unjuranya mengikut kapasiti pusat latihan adalah seramai 4.022 orang.

Walaupun bagaimanapun pengambilan ini hanya akan dapat dilaksanakan sekiranya terdapat kekosongan didalam PDRM dan kelulusan perjawatan baru daripada JPA.

SOALAN NO. (25)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)
TARIKH : 23 NOVEMBER 2010
(SELASA)

SOALAN

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU SELANGOR)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) jumlah rumah ibadat (bukan islam) yang berdaftar di Malaysia; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah diberi kepada rumah-rumah ibadat tersebut sejak tahun 2000 hingga sekarang dan jumlah peruntukan yang akan diagihkan untuk membantu rumah-rumah ibadat tersebut dalam jangka masa 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Inventori Tempat Ibadat Bukan Islam yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2008, jumlah rumah ibadat yang dikenalpasti samada berdaftar dan tidak berdaftar di seluruh Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 4,244 buah. Ia terdiri daripada Tokong Cina/Buddha/Watt Siam sebanyak 2,117 buah, Gereja 524 buah, Kuil Hindu 1,466 buah, Gurdwara Sikh 78 buah dan lain-lain tempat keagamaan selain Islam 59 buah.
- b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyediakan peruntukan bagi kos pembangunan dan operasi rumah- rumah ibadat bukan Islam. Peruntukan bagi rumah-rumah ibadat bukan Islam disalurkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Unit tersebut, bagi tempoh 2000 hingga Oktober 2010, sejumlah RM30juta (RM28,960,928.00) telah diperuntukkan bagi menaiktaraf dan membina 1,360 buah rumah ibadat bukan Islam.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

November 2010

SULIT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN TAN KOK WAI
 [CHERAS - DAP]

TARIKH **23 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

SOALAN NO. 26

Tuan Tan Kok Wai [Cheras - DAP] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan belia berketurunan Melayu dan bukan Melayu yang dibantu di bawah Skim Tabung Ekonomi Belia untuk memulakan perniagaan sendiri sepanjang 5 tahun lalu dan bagaimanakah kemajuan mereka.

JAWAPAN

1. Semenjak Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) diperkenalkan pada tahun 2006, statistik peminjam daripada belia berketurunan Melayu yang berjaya adalah 47.1%, Cina 43.8%, India 34.7% dan lain-lain 58.9%.
2. Pada masa ini, Kementerian melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBMM) sedang dalam proses membuat kajian ke atas peminjam- peminjam STEB bagi melihat dan menilai keberkesanan skim tersebut. Sehubungan itu, hasil kajian dijangka diperolehi pada bulan Disember 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA


SU1

No: 27.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
DARIPADA **TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR (KOTA TINGGI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 23.11.2010


A. S.
23/11/10

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid Bin Syed Jaafar (Kota Tinggi) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bertujuan untuk menyelaraskan syarikat pinjaman kewangan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 di bawah pengawasan Bank Negara bagi memastikan kegiatan 'Ah Long' dan pengubahan wang haram dapat dibanteras.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk menyelaraskan syarikat kewangan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 oleh sebab isu mengenai kegiatan 'Ah Long' dan pengubahan wang haram akan dapat dibanteras melalui Akta Pemberi Pinjam Wang (pindaan) 2010 di bawah penyeliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sedang dibahaskan dalam persidangan Parlimen kali ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**
 Y.B.TUAN TONY PUA KIAM WEE

DARIPADA
KAWASAN **PETALING JAYA**

NO. SOALAN

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [Petaling Jaya Utara]
minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN**
INDUSTRI menyatakan

Perkembangan terkini mengenai proiek pembinaan
pusat konvensyen dan pameran MATRADE
termasuk skop kerja yang telah siap. iadual
pembinaan dan sama ada pembavaran berbentuk
tanah telah diserahkan kepada pihak pemaui

JAWAPAN:

Untuk makluman YB, Projek Pembinaan MATRADE
Center adalah mengikut sebagaimana program
pelaksanaan yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

- a) Kerja-kerja rekabentuk telah siap dijalankan dan
Pelan Bangunan telah dikemukakan untuk
tandatangan pemilik tanah iaitu Jabatan ketua
Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG);

- b) Kelulusan untuk pindah milik tanah telah diperolehi dan hakmilik sementara telah disediakan bagi pindahmilik kepada pemaju;**
- c) Kelulusan Perintah Pembangunan (*Development Order*) bagi MATRADE Center juga diperolehi;**
- d) Kelulusan Kerja Tanah bagi kerja tanah MATRADE Center telah diperolehi;**
- e) Tender proses/ *bid process* untuk pakej kerja tanah telah siap dijalankan oleh pemaju.**

Kerja pembinaan bangunan MATRADE Center akan dimulakan pada akhir 2010 dan dijangka siap dalam tempoh 4 tahun iaitu tahun 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

TARIKH 23 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

SOALAN NO: 29

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI

menyatakan jumlah lesen teksi yang diluluskan dan jumlah permohonan yang dikemukakan pada tahun 2009 serta punca kegagalannya.

JAWAPAN : YB. PATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah meluluskan sebanyak 3,884 lesen teksi teksi daripada 7,059 permohonan yang diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,050 (79%) lesen diluluskan untuk perkhidmatan bajet bagi permohonan individu manakala sebanyak 834 (21%) lesen untuk perkhidmatan eksekutif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca-punca utama kegagalan permohonan lesen teksi individu adalah kerana pemohon tidak memenuhi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan oleh LPKP seperti berikut:-

- i) Pemohon bukan Warganegara Malaysia;
- ii) Menjawat jawatan sebagai pegawai / kakitangan Kerajaan;
- iii) Berumur melebihi 60 tahun pada tarikh permohonan;
- iv) Tidak memiliki lesen memandu;
- v) Tidak mempunyai pengalaman memandu teksi; dan

SOALAN NO: 29

vi) Mempunyai kesalahan jenayah.

PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

a) Kerajaan amat berterimakasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Mohd Hassan Merican yang telah memberikan sumbangan bermakna kepada Negara sepanjang tempoh beliau berkhidmat selama 21 tahun di dalam Petronas khususnya sebagai Presiden dan CEO PETRONAS sejak tahun 1995. Sepertimana juga syarikat-syarikat lain, PETRONAS tidak terkecuali dari melalui pertukaran dalam kepemimpinannya. Namun begitu, Kerajaan yakin, berdasarkan kelayakan dan pengalaman beliau, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS yang baru, iaitu Y.Bhg. Dato' Shamsul Azhar Abbas, berkebolehan untuk terus memimpin PETRONAS serta memperkukuhkan kedudukan PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak terkemuka dunia di samping memperluaskan lagi aktiviti PETRONAS samaada di peringkat tempatan ataupun antarabangsa.

b) Penglibatan Y.Bhg. Tan Sri Mohd Hassan Merican di dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) Singapura jelas menunjukkan bahawa Negara ini mempunyai individu-individu berkaliber dan tersohor untuk diketengahkan kepada dunia untuk dijadikan pakar - pakar rujuk keperluan pembangunan negara-negara tersebut. Kerajaan juga yakin bahawa penglibatan Y.Bhg. Tan Sri Mohd Hassan Merican di luar negara bukanlah satu yang perlu dianggap sebagai *brain drain* tetapi sebaliknya kerana Malaysia kini diperkayakan dengan kehadiran seorang lagi individu iaitu Y.Bhg. Dato' Shamsul Azhar Abbas yang akan menerus dan memperkasakan lagi kecemerlangan tadbir urus korporat dan agenda transformasi serta pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)
TARIKH	23 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) siapakah yang mengawal harga rumah dan bangunan komersial yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta; dan**
- (b) apakah Kementerian sedar bahawa harga rumah dalam tempoh 10 tahun ini sudah meningkat secara drastik dan dalam masa terdekat hampir semua pekerja Kerajaan, swasta mahupun persendirian tidak akan mampu membeli rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta.**

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) pada masa ini, paras harga rumah (melainkan harga rumah kos rendah) dan bangunan komersial tidak dikawal oleh Kerajaan kerana Kerajaan mengamalkan dasar pasaran terbuka; dan**
- b) peningkatan harga rumah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kenaikan nilai harga tanah, peningkatan harga bahan pembinaan dan kenaikan kos upah pekerja. Walau bagaimanapun, peningkatan harga ini hanya berlaku di kawasan tertentu sahaja yang mempunyai permintaan yang tinggi. Paras harga rumah bergantung kepada permintaan dan penawaran. Jika harga rumah meningkat terlalu tinggi dengan keupayaan pembeli yang terbatas, ada kemungkinannya harga rumah tersebut akan menurun ke paras harga yang berpatutan.**

Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga menyediakan kemudahan bagi membantu

golongan berpendapatan rendah untuk membina dan memiliki rumah melalui Skim Pinjaman Perumahan (SPP) yang ditawarkan.

Di dalam pembentangan Bajet 2011, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah kurang daripada RM3000.00 sebulan. Melalui skim yang diperkenalkan ini, Kerajaan akan menawarkan jaminan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi harga rumah di bawah RM220 ribu. Dengan adanya skim tersebut, ia akan dapat membantu meningkatkan aksesibiliti rakyat dalam pemilikan rumah.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

November 2010

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB DR. HAJI MOHD.

HAYATI BIN OTHMAN

NO. SOALAN: 11

[PENDANG]]

TARIKH 23 NOVEMBER 2010

SOALAN

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman (Pendang) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah peruntukan zakat yang telah diagihkan kepada rakyat Kedah dari agensi pusat mengikut pecahan setiap daerah di negeri ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pengurusan zakat adalah di luar bidang kuasa Kerajaan dan agensi Persekutuan, sebaliknya pengurusan zakat sama ada kutipan mahupun agihannya adalah

terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Dengan itu, tiada isu agihan peruntukan zakat oleh Kerajaan atau agensi Pusat kepada Negeri Kedah atau mana-mana negeri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 33

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTIHAJI SHUKRI

TARIKH: 23 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI SUMBER

MANUSIA menyatakan apakah yang menghalang Malaysia dari mengenakan dasar gaji minima.

PR-1233-L40437

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk meningkatkan gaji pekerja swasta di negara ini yang meningkat terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas dan mengambil kira peratus pekerja yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya.
2. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011 telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum Kebangsaan. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.
3. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat mengenai kuantum gaji minimum yang akan ditetapkan dengan mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan

dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

4. Pihak Kementerian Sumber Manusia ketika ini sedang mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal akta gaji minimum kebangsaan. Pelaksanaan gaji minimum perlu dibuat dengan berhati-hati kerana ia boleh memberi kesan ke atas ekonomi dan pekerjaan di negara ini sekiranya kadar yang ditetapkan terlalu tinggi. Contohnya Hong Kong yang baru-baru ini meluluskan undang-undang mengenai gaji minimum mengambil masa lebih 10 tahun membuat kajian dan pada masa ini pun Hong Kong masih belum melaksanakan gaji minimum.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **23 NOVEMBER 2010 (SELASA)**
T ARIKH **Y.B DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)**

Y.B DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG minta
SOALAN PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci dan praktikal bagaimana Konsep 1 Malaysia **tidak bercanggah** dengan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Perlembagaan negara.

JAWAPAN oleh : YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

Semasa melancarkan gagasan 1 Malaysia, YAB Perdana Menteri telah dengan jelas dan tegasnya menerangkan bahawa dalam usaha berterusan untuk memupuk perpaduan dalam kepelbagaian (unity in diversity) dalam kalangan masyarakat majmuk kita, gagasan 1 Malaysia adalah berasaskan dan berpaksikan kepada prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara serta penerapan nilai-nilai murni.

Ketika menjawab soalan dalam Dewan Rakyat buat kali pertamanya sebagai Perdana Menteri pada bulan Jun 2009, beliau telah menyatakan bahawa, "*gagasan 1 Malaysia bukanlah konsep atau formula baru. Sebaliknya, matlamat akhir gagasan 1 Malaysia iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka. Gagasan 1 Malaysia tidak sekali-kali menyimpang daripada roh Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau tersirat. Malahan, gagasan 1 Malaysia*

kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti Perkara 3, Perkara 4, Perkara 152, Perkara 153, Bahagian 2 dan Bahagian 3 seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.”

Selanjutnya, semasa menjawab soalan lisan dalam Dewan Rakyat pada bulan Oktober 2009, beliau sekali lagi menyatakan, “*gagasan 1 Malaysia menekankan aspek utama perpaduan iaitu sikap dan nilai penerimaan dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum yang sedia ada; kedua, pengamalan prinsip-prinsip kenegaraan yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dan ketiga, menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbela, khususnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan dan tidak ada mana-mana pihak akan dipinggirkan.”*

Seterusnya, YAB Perdana Menteri semasa menjawab soalan di Dewan Rakyat pada bulan Mac 2010 sekali lagi menegaskan bahawa, “*gagasan 1 Malaysia tetap berpaksikan kepada Perlembagaan Negara dan Rukunegara . Prinsip dan semangat Perlembagaan Persekutuan akan sentiasa menjadi landasan pembentukan kepada Perpaduan Nasional.”*

Oleh itu, kalau kita mengamati amanat YAB Perdana Menteri, tidak sepatutnya akan timbulnya sebarang kekeliruan atau kebimbangan terhadap gagasan 1 Malaysia. Sememangnya semua prinsip dan peruntukan utama dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah dihayati dan diamalkan secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang, dan tidak sepatutnya ditafsirkan, diputarbelitkan atau ditonjolkan dari sudut yang sempit atau melampau oleh mana-mana pihak.

Selain dari kenyataan-kenyataan bernas oleh pucuk pimpinan negara, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk terus memberi penjelasan mengenai gagasan 1 Malaysia kepada orang awam. Ini termasuklah penerbitan dan pengedaran risalah dan bahan-bahan rujukan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, penyiaran mesej-mesej berunsurkan perpaduan dibuat secara meluas melalui media massa, di samping penganjuran banyak seminar dan bengkel oleh kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta, serta melalui penghayatan mesej perpaduan dalam iklan-iklan agensi kerajaan dan syarikat korporat semasa perayaan Hari Kemerdekaan, Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya.

Pada amnya, sambutan terhadap gagasan 1 Malaysia adalah menggalakkan. Oleh itu, semua pemimpin politik dan pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab hendaklah menyokong gagasan 1 Malaysia, membantu kerajaan dalam menafsir dan mengisi gagasan ini serta memberi penjelasan mengenainya dari sudut yang positif.

SOALAN NO : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH 23 NOVEMBER 2010
SOALAN

Tuan Hj. Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah peratusan bekalan makanan di Malaysia merupakan "*genetic modified food*" dan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewajibkan kepada pengusaha pembungkusan makanan atau makanan dalam tin melabelkan makanan yang mengandungi "*genetic modified*".

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa peka akan isu berhubung keselamatan makanan termasuklah makanan diubahsuai secara genetik atau *genetically modified organism* (GMO). KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab untuk memastikan semua jenis makanan adalah selamat.

Di Malaysia hanya produk jagung dan kacang soya sahaja yang dibenarkan

mengandung GMO. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2005 hingga September 2010, KKM telah menjalankan pemantauan ke atas kedua jenis produk makanan tersebut yang telah diimport dan didapati sebanyak 168 sampel (22%) daripada 749 sampel dikesan mengandungi GMO.

Malaysia sentiasa berpendirian bahawa pelabelan mandatori bagi makanan yang diubahsuai secara genetik amat perlu supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bermaklumat. Justeru, pelabelan makanan dan ramuan makanan yang mengandungi GMO telah diwajibkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu peraturan (2), (3A), (11) dan (17). Peraturan ini menghendaki supaya pelabelan sumber gen termasuklah daripada haiwan diwajibkan.

Kementerian ini juga sedang merangka beberapa garis panduan bagi memberi penjelasan lanjut kepada pihak industri bagi memudahkan mereka memahami dan mematuhi peraturan baru ini.

NO. AUM : 40

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH 23 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3103

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) tindakan yang diambil oleh Kerajaan berkenaan Sembilan Statutory Declarations telah dibuat oleh pegawai dan anggota Polis berhubung kaitan pegawai tertentu dengan kumpulan kongsi gelap dan disiarkan dalam beberapa laman blog; dan

(b) apakah Kerajaan tidak berminat untuk menyiasat sama ada tuduhan-tuduhan yang amat berat tersebut sama ada betul atau salah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), pihak polis telah menjalankan siasatan ke atas 9 Statutory Declaration yang disiarkan dalam laman blog seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dan mendapati kesemua SD berkenaan adalah palsu. Sehubungan dengan itu, siasatan bagi mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab memuatnaik artikel berkenaan masih diteruskan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, tidak timbul isu sama ada berminat atau tidak menyiasat sesuatu kes kerana tidak wujud sikap birokrasi dalam siasatan yang dilakukan oleh pihak polis dan pihak polis sentiasa menjalankan siasatan terhadap sebarang aduan dan masalah yang diberikan kepada mereka.

NO. AUM : 33

NO. AUP : ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [
	KUALA NERUS]
TARIKH	23.11.2010
RUJUKAN	3102
SOALAN:	

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah badan bukan kerajaan yang tidak berdaftar di seluruh negara dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas mereka yang mengetuai serta menyertai gerakan tersebut.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 41, Akta Pertubuhan 1966 menjadikan satu kesalahan kepada sesuatu pertubuhan bergerak tanpa didaftarkan. Tindakan undang-undang boleh dikenakan ke atas pertubuhan dan individu-individu yang mengetuai, menyokong atau bersimpati dengan pertubuhan sedemikian. Ini termasuklah hukuman denda dan penjara.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai rekod jumlah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang tidak berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966.

SOALAN NO: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW
TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

DARIPADA : LISA
N

TARIKH
PERTANYAAN

**DR. HIEW KING
CHEU [KOTA
KINABALU]
23 NOVEMBER 2010**

SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujud perancangan untuk memperbaiki kekurangan doktor pakar, pegawai perubatan, juruteknik radiologi, peralatan baru, kemudahan dan ambulans dan beberapa keperluan kepada semua **hospital** dan **klirik**.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha mengambil berbagai langkah untuk mengatasi kekurangan pegawai perubatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan di semua hospital dan klinik. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan pegawai perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak
- ii. Pelantikan semula pegawai perubatan dan pakar KKM yang telah bersara

wajib secara kontrak

- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional dan locum
- iv. Menggalakkan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air
- v. Melaksanakan prosedur / pembedahan elektif di fasiliti-fasiliti KKM

SOALAN NO: 38

Selain daripada itu, sejajar dengan pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Menjelang tahun 2006, jumlah graduan meningkat kepada 1059 orang, manakala pada tahun 2008 jumlah ini telah meningkat lagi kepada 2319 orang, diikuti dengan jumlah 3058 orang pada tahun 2009. Sehingga akhir tahun 2010, jumlah ini dijangka meningkat kepada 3634 orang siswazah.

Setelah tamat latihan siswazah, Pegawai Perubatan ini akan diagihkan ke semua hospital dan klinik mengikut keperluan bagi memantapkan lagi perkhidmatan perubatan. Peningkatan jumlah pegawai perubatan ini akan dapat membantu agihan penempatan ke semua hospital dan klinik.

Bagi menambahkan lagi bilangan pakar, Kementerian Kesihatan telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009 bagi memberi peluang kepada lebih ramai pegawai perubatan mengikuti program sarjana. Melalui perancangan RMK-10, bilangan tempat ini dijangka ditingkatkan lagi kepada 800 slot. Melalui strategi ini, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia dan lain-lain agensi/jabatan Kerajaan yang berkaitan dalam usaha untuk mempertingkatkan bekalan graduan perubatan bagi memenuhi keperluan negara.

Bagi perkhidmatan radiologi pula, jawatan-jawatan yang terlibat ialah Juru X-Ray (Diagnostik) dan Juru X-Ray (Terapi). Pengambilan bagi kedua-dua

jawatan ini dibuat secara berkala berdasarkan kepada keluaran pelatih daripada institusi latihan KKM dan *outsourcing*.

Kementerian Kesihatan juga sememangnya mempunyai perancangan perolehan peralatan perubatan dan ambulan sama ada bagi penggantian, menaiktaraf dan perolehan perkhidmatan baru. Perolehan dilaksanakan mengikut keutamaan bergantung kepada kemampuan atau peruntukan yang ada. Bagi kemudahan ambulan pada tahun 2010, pihak KKM telah membuat perolehan sejumlah 305 buah ambulan (100 unit melalui perolehan oleh ibupejabat, dan 205 unit melalui Jabatan- Jabatan Kesihatan Negeri)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

(MARAN)

TARIKH

23.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan menyedari penularan kegiatan kongsi gelap di sekolah-sekolah yang melibatkan para pelajar. Berapakah bilangan pelajar-pelajar yang terlibat dengan kegiatan kongsi gelap tersebut sehingga kini. Apakah langkah dan inisiatif pihak Kementerian dalam menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Istilah atau definisi kongsi gelap atau gangsterisme di sekolah adalah merujuk kepada murid yang melakukan salah laku berunsur jenayah seperti pemerasan, ugutan, memukul atau seumpamanya secara terancang. Isu ini sebenarnya diberi perhatian yang amat serius oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan tindakan tegas telah dikenakan terhadap mereka yang terlibat. Namun, pada dasarnya KPM tidaklah menghukum semata-mata, malah mereka yang terlibat juga telah diberi peluang untuk berubah iaitu menerusi khidmat kaunseling yang disediakan di sekolah. Mereka yang

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

terlibat adalah murid-murid sekolah menengah yang mana berdasarkan laporan yang diterima KPM, jumlahnya dalam tempoh 5 tahun adalah bagi tahun 2005 (32 orang), 2006 (56 orang), 2007 (49 orang), 2008 (81 orang) dan 2009 (60 orang).

- i. mewujudkan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
- ii. melibatkan ibu bapa menerusi PIBG dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah;
- iii. menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah **Kelab Pencegahan Jenayah** (KPJ) di sekolah telah diperkembangkan. Sehingga tahun 2009, sejumlah 7,046 buah KPJ telah berjaya diwujudkan merangkumi 1972 kelab di sekolah menengah dan 5074 kelab di sekolah rendah. Jumlah ahli yang terlibat bagi menggerakkan aktiviti kelab tersebut adalah seramai 313,208 orang iaitu seramai 148,248 orang murid di sekolah menengah dan seramai 164,960 orang di sekolah rendah; dan
- iv. KPM bersama PDRM dan MCPF, juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara pada tahun 2009. Program ini diteruskan pada tahun 2010. Perbincangan dari hati ke hati telah dilakukan agar murid tersebut memahami peranan mereka dan tidak terjebak dengan salah laku tersebut.

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN TENG BOON SOON

TARIKH: 23 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia tidak ditipu oleh majikan, agensi buruh asing atau tempatan dari segi gaji dan kebajikannya.

PR-1233-L39010

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. **B**
agi mengelakkan kes penganiayaan ke atas pekerja asing yang memasuki Malaysia secara sah, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia bagi mengatasi masalah tersebut.

2. **M**
ajikan yang memohon pekerja asing akan terlebih dahulu disiasat oleh Jabatan Tenaga Kerja sebelum diberikan sijil JobsMalaysia. Sijil JobsMalaysia adalah bukti majikan telah mendaftar kekosongan jawatan dalam sistem JobsMalaysia dan gagal mendapatkan calon pekerja tempatan. Siasatan ini akan meliputi kewujudan syarikat, keperluan gunatenaga

sebenar syarikat serta faedah-faedah yang diberikan kepada para pekerja mereka. Majikan juga perlu mengemukakan rekod penggajian pekerja asing terdahulu bagi semakan menerusi syarat keperluan permohonan pekerja asing iaitu dengan mengemukakan borang 60K dan 63 A di bawah peruntukkan Akta Kerja 1955.

3. Semasa pekerja asing berada di Malaysia, Kementerian Sumber Manusia terus memantau keadaan pekerja asing menerusi 80 pejabat Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh Malaysia. Sehingga 30 September 2010, sebanyak 7,0791 pemeriksaan ke atas majikan yang menggajikan pekerja asing telah dijalankan di semenanjung Malaysia.

4. Bagi pembantu rumah asing, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan seminar pembantu rumah asing yang turut melibatkan majikan dan agensi pekerjaan swasta. Pengisian bagi seminar ini adalah berkaitan dengan hak pekerja dan majikan, fungsi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM). Seminar ini dijalankan setiap bulan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Sehingga 30 September 2010 seramai 1,178 orang PRA, 1,308 majikan dan 264 agensi telah menghadiri seminar berkaitan.

5. Selain daripada itu Kementerian Sumber Manusia turut bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi membentuk satu sistem yang dapat mengawal dan memantau pekerja asing di Malaysia.

SOALAN NO. : 41

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PADANG BESAR]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2010

SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengenai status pelaksanaan program "Heart of Borneo".

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif "Heart of Borneo" (HoB) adalah bertujuan untuk menguruskan secara berkekalan kawasan yang terletak di dataran tanah tinggi di tengah-tengah Kepulauan Borneo, termasuk kawasan tanah rendah berdekatan yang meliputi kawasan sempadan negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Deklarasi inisiatif HoB telah

ditandatangani

oleh tiga buah negara iaitu, Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia pada 12 Februari 2007 di Bali, Indonesia.

Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak RM10.8 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek HoB di Sabah dan Sarawak. Projek yang dilaksanakan meliputi aktiviti-aktiviti seperti pengukuhan pengurusan di Kawasan Terlindung Sepenuhnya dan kawasan tadahan air, penubuhan kawasan-kawasan koridor bagi hidupan liar melalui aktiviti restorasi dan pemulihan semula hutan (*rehabilitation*) serta pengumpulan data kepelbagaian biologi yang terdapat di kawasan HoB.

Di bawah inisiatif ini, ketiga-tiga buah negara juga bersepakat mewujudkan Mesyuarat Tiga Hala Inisiatif HoB sebagai platform bagi merundingkan dasar serta membentangkan kemajuan pelaksanaan inisiatif HoB. Mesyuarat Tiga Hala Inisiatif HoB Ke-4 telah diadakan pada 20-22 April 2010 di Brunei Darussalam. Semasa mesyuarat tersebut, ketiga-tiga buah negara telah bersetuju dengan *institutional arrangement and modalities* (dengan izin) bagi pelaksanaan inisiatif HoB.

Sekian, terima kasih.

